

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AMP300 - Penyelidikan Pemasaran

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

JAWAB EMPAT SOALAN SEMUANYA. JAWAB SOALAN 1 DARIPADA BAHAGIAN A DAN SATU SOALAN DARIPADA BAHAGIAN B DAN C. PILIH SATU SOALAN LAGI DARIPADA BAHAGIAN B ATAU C UNTUK DIJAWAB.

BAHAGIAN A

Soalan 1

- (a) Bincangkan perbezaan dan persamaan di antara kaedah penganalisan pembezaan dan regresi. Apakah kaedah-kaedah digunakan untuk menambah dan mengugurkan sesuatu pembolehubah daripada model regresi?

(10 markah)

- (b) Berikut adalah keputusan yang diperolehi daripada analisa regresi polinomial. Pembolehubah-pembolehubah terlibat ialah pendapatan dan usia rumah.

Bincangkan rumusan yang signifikans boleh dibuat daripada analisa ini (perlu menulis model regresi.) Bilakah penganalisan regresi sesuai digunakan?

(Lihat di muka sebelah)

(20 markah)

...2/-

Pembolehubah bersandar: Pendapatan

<u>Sumber</u>	<u>dk</u>	<u>Hasil tambah Gandadua</u>	<u>Gandadua Min</u>	<u>Nilai F</u>	<u>PR > F</u>	<u>R²</u>	<u>K.V.</u>
Model	2	544220.95	272110.47	116.12	0.0001	0.94	8.69
Ralat	16	37492.74	2343.30				

Jumlah 18 581713.69

Sisihan Lazim

48.41

Min Pendapatan

557.26

<u>Sumber</u>	<u>dk</u>	<u>Hasil tambah Gandadua- dua Jenis I</u>	<u>Nilai F</u>	<u>PR > F</u>
Usia	1	467247.49	199.40	0.0001
(Usia) ²	1	76973.46	32.85	0.0001

<u>dk</u>	<u>Hasil tambah Gandadua- dua Jenis IV</u>	<u>Nilai F</u>	<u>PR > F</u>
1	208041.52	88.78	0.0001
1	76973.46	32.85	0.0001

Parameter Anggaran T untuk Ho Parameter = 0 PR > T Ralat standard pengangar

pintasan	857.58	34.05	0.0001	25.19
Usia	-24.72	-9.42	0.0001	2.62
(Usia) ²	0.29	5.73	0.0001	0.051

- (c) Bagaimanakah bentuk sesuatu model regresi ditentukan dengan mengambil kira kaitan di antara pembolehubah-pembolehubah dalamnya?

(10 markah)

BAHAGIAN B

Soalan 2

Apakah langkah-langkah awal yang perlu diambil sebelum sesuatu penyelidikan pemasaran dijalankan dengan memuaskan? Kenapakah langkah-langkah awal ini penting dalam sesuatu penyelidikan pemasaran (segala perbincangan perlu dikaitkan dengan satu jenis barangan atau perkhidmatan).

(20 markah)

Soalan 3

Bincangkan jenis-jenis maklumat yang boleh diperolehi daripada responden. Apakah anggapan dibuat untuk membolehkan perlakuan masa lepas digunakan membuat ramalan perlakuan masa depan?

(20 markah)

Soalan 4

Kenapakah sesuatu borang soalselidik itu tidak dapat memenuhi matlamat penyelidikan? Bincangkan proses membuat rekabentuk borang soalselidik yang boleh mencapai matlamat penyelidikan.

(20 markah)

...5/-

BAHAGIAN C

Soalan 5

Bincangkan skel-skel ukuran yang digunakan untuk kutipan data dalam sesuatu penyelidikan pemasaran. Kaitkan perbincangan mengenai setiap skel tersebut dengan contoh serta kaedah penganalisaan statistik yang dibenarkan.

(20 markah)

Soalan 6

Apakah perkara-perkara yang perlu dititikberatkan sebelum saiz sampel mengenai sesuatu populasi ditentukan. Perlukah ralat jenis I diambil kira dalam menentukan saiz sampel dan kenapakah statusnya begitu?

(20 markah)

Soalan 7

"Penganalisaan data merupakan perkara yang paling penting dalam proses penyelidikan pemasaran disebabkan tanpa kaedah analisa yang betul maklumat-maklumat penting tidak dapat diperolehi daripada data-data yang dikutip". Bincangkan perkara ini dengan terperinci dan kritikal.

(20 markah)

-ooo000ooo-

